

KENYATAAN MEDIA

PERDANA MENTERI MELANCARKAN KERJA PEMBINAAN TEROWONG UNTUK MRT LALUAN SSP

Kuala Lumpur, 1 Mac 2018: Kerja pembinaan terowong bawah tanah bagi MRT Laluan Sungai Buloh-Serdang-Putrajaya (SSP) bermula pada hari ini, di mana Perdana Menteri YAB Dato' Sri Mohd Najib Tun Abdul Razak telah melancarkan mesin pengorek terowong pertama yang akan digunakan untuk projek ini.

Mesin pengorek terowong tersebut, yang pertama dari 12 yang akan digunakan untuk pembinaan Laluan SSP, telah dilancarkan di Syaf Pelancaran Bandar Malaysia Utara di Bandar Malaysia.

Bersama beliau untuk melancarkan mesin pengorek terowong ialah Pengerusi Mass Rapid Transit Corporation Sdn Bhd (MRT Corp) Tan Sri Dr Ali Hamsa yang juga merupakan Ketua Setiausaha Negara dan Ketua Pegawai Eksekutif MRT Corp Dato' Sri Shahril Mokhtar.

Turut hadir ialah Menteri Pengangkutan Dato' Sri Liow Tiong Lai, Menteri di Jabatan Perdana Menteri Dato' Sri Nancy Shukri, Pengerusi Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD) Tan Sri Mohd Isa Abdul Samad dan Ketua Pegawai Eksekutif SPAD Encik Azharuddin Mat Sah.

Bersama mereka ialah Pengarah Urusan Kumpulan Gamuda Bhd Dato' Lin Yun Ling dan Pengerusi MMC Corporation Bhd Tan Sri Shamsul Azhar Abbas.

MRT Corp ialah Pemilik Projek dan Pemaju Laluan SSP sementara MMC Gamuda KVMRT (T) Sdn Bhd ialah Kontraktor Bawah Tanah Laluan SSP.

Untuk melancarkan Mesin Pengorek Terowong, Perdana Menteri telah memulakan kunci dan menekan butang yang terdapat di konsol, dan ini telah membunyikan siren serta membolehkan kepala pemotong Mesin Pengorek Terowong di syaf pelancaran berhampiran mula berputar.



Selepas melancarkan Mesin Pengorek Terowong, Perdana Menteri dan para tetamu kehormat telah pergi melihat mesin pengorek terowong dari dek tinjauan (viewing deck) yang berada di hujung syaf pelancaran.

Mesin pengorek terowong yang dilancarkan pada hari ini merupakan Mesin Pengorek Terowong Pembolehkan Ketumpatan (Variable Density Tunnel Boring Machine) yang direka khas untuk mengendalikan pembinaan terowong melalui pembentukan geologi batu kapur yang amat mencabar di Lembah Klang.

Mesin pengorek terowong canggih ini adalah hasil daripada kerjasama antara MMC Gamuda dan pengilang mesin pengorek terowong terkemuka Herrenknecht AG di Jerman dan telah digunakan pertama kali di dunia sewaktu kerja-kerja terowong MRT Laluan Sungai Buloh-Kajang (SBK).

Mesin pengorek terowong pada hari ini juga merupakan yang pertama menjalani pembaik pulihan di Malaysia. Digunakan untuk Laluan SBK sebelum ini, mesin pengorek terowong ini telah dibaik pulih di sebuah kilang yang dikendalikan oleh Waiko Engineering Sdn Bhd di Pusing, Perak, satu-satunya kemudahan pembaik pulihan mesin pengorek terowong yang pertama di Asia Tenggara.

Keupayaan ini adalah hasil daripada salah satu inisiatif di bawah Program Kolaborasi Industri Projek MRT Lembah Klang, yang menyediakan platform untuk membangunkan teknologi tinggi di Malaysia melalui pemindahan pengetahuan menerusi kerjasama dengan kontraktor dan pembekal asing.

Stesen MRT Bandar Malaysia Utara di mana acara pada hari ini dijalankan berjarak satu stesen sahaja dari Stesen MRT Bandar Malaysia Selatan, di mana ianya akan berintegrasi dengan Kereta Api Berkelajuan Tinggi Kuala Lumpur-Singapura atau Kuala Lumpur-Singapore High Speed Rail.

Ini bermakna selain menyediakan integrasi yang lebih baik dengan laluan rel yang lain di Lembah Klang, Laluan SSP juga membolehkan pertukaran lancar dengan perkhidmatan kereta api berkelajuan tinggi yang membuat perjalanan untuk ke dan dari Singapura, serta stesen-stesen lain sepanjang laluan Kereta Api Berkelajuan Tinggi, dengan sangat mudah.

Laluan SSP – laluan kedua yang sedang dibina di bawah Projek MRT Lembah Klang – mempunyai 35 stesen, di mana 11 merupakan stesen bawah tanah. Jajaran keseluruhan ialah sepanjang 52.2km, di mana 13.5km adalah bawah tanah.



Laluan ini akan bermula dari Sungai Buloh ke Putrajaya melalui Kepong, Batu, Jalan Ipoh, Titiwangsa, KLCC, Tun Razak Exchange, Bandar Malaysia, Sungai Besi, Serdang, UPM dan Cyberjaya.

Fasa Pertama MRT Laluan SSP dari Sungai Buloh ke Kampung Batu dijangka mula beroperasi pada suku kedua tahun 2021, sementara keseluruhan laluan dijangka mula beroperasi pada suku kedua tahun 2022.

MRT Laluan SSP berkemampuan membawa 529,000 penumpang setiap hari.

TAMAT

Untuk sebarang pertanyaan media, sila hubungi:

Encik Leong Shen-Li
MRT Corp

012-3196602 / leong.shen-li@mymrt.com.my

Cik Amalina Ghazali
MRT Corp

016-2154055 / amalina.ghazali@mymrt.com.my